

# Industri pertahanan negara diiktiraf negara luar — Najib

UM 24 JUN 2005

BANGI 23 Jun — Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, industri pertahanan negara telah maju serta mendapat pengiktirafan dari negara-negara luar.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, kemajuan paling penting dalam industri pertahanan negara ialah kemampuannya untuk menyokong kesiapsiagaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

“Industri pertahanan negara pada tahun 70-an adalah kecil dan kebanyakan mereka yang terlibat dalam industri tersebut hanya menjadi agen bagi syarikat-syarikat pertahanan negara lain.

“Setelah 25 tahun, industri pertahanan negara jauh lebih hebat walaupun terdapat beberapa kelemahan tetapi secara umumnya telah membawa kejayaan besar kepada negara,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata demikian ketika menyampaikan ucapan utama dan merasmikan Simposium Berkala IV Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad (IPDM) bertemakan ‘Pertahanan Negara: Cara Mahathir’ di sini hari ini.

Najib memberitahu, kejayaan itu disebabkan oleh peranan yang dimainkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang memberi sokongan menyeluruh kepada Kementerian Pertahanan untuk membangunkan industri pertahanan negara.

Ujarnya, kedua-dua pemimpin itu menyedari bahawa industri pertahanan amat penting bagi membentuk sebuah angkatan tentera yang kuat dan digeruni.

“Kejayaan industri pertahanan ini juga disebabkan kerajaan telah

membentuk Majlis Industri Pertahanan Negara yang merancang secara bersama, bersepadu dan tersusun mengenai industri pertahanan yang perlu diceburi,” katanya.

Jelasnya, pada hari ini Malaysia mempunyai kemampuan bukan sahaja diiktiraf oleh mereka yang berada di dalam negara tetapi luar negara.

Jelasnya, negara kini bukan sahaja mempunyai kepakaran dalam bidang membaiki pesawat tetapi membaiki pulih pesawat seperti C130.

Menurutnya, Airod Berhad yang diberi tanggungjawab telah berjaya mendapat kontrak untuk membaiki pulih C130 daripada Tentera Udara Amerika Syarikat (USAF) dan beberapa buah negara lain seperti Indonesia dan Bangladesh.

Najib menegaskan, ini adalah satu kejayaan yang amat membanggakan kepada negara.